

**INVENTORI KUPU-KUPU DI KAWASAN LADANG
MOSTYN, KUNAK DAN BUKIT TIGER, TAWAU,
SABAH**

**ESAU ANAK KAK
HS2005-4628**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Desertasi ini dihantar bagi memenuhi syarat pengijazahan sarjana
muda sains dengan kepujian.

**SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU**

2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Abstrak

Kajian inventori merupakan langkah saintifik pertama yang perlu dilakukan untuk mendapatkan gambaran terhadap status biologi dan status semasa di kawasan kajian. Dalam kajian yang telah dijalankan di ladang kelapa sawit Mostyn, Kunak dan Bukit Tiger, Tawau ini, dua kaedah kajian telah digunakan iaitu jaring udara “aerial net” dan perangkap berumpan. Kaedah jaring udara didapati lebih berkesan digunakan semasa persampelan kupu-kupu jika dibandingkan dengan kaedah perangkap berumpan. Kajian ini dijalankan dengan melakukan penangkapan secara rambang di kawasan kajian; tiada plot khas yang ditetapkan bagi penangkapan kupu-kupu. Spesimen yang diperolehi dikenalpasti dengan menggunakan binokular dan buku rujukan yang bergambar. Selain itu, nasihat dan bantuan daripada pakar juga digunakan dalam proses mengenalpasti spesimen ini. Dalam kajian yang telah dijalankan ini, terdapat sebanyak 57 spesies kupu-kupu yang berbeza yang diperolehi. Ladang Mostyn merekodkan 34 spesies kupu-kupu yang berbeza, manakala ladang Bukit Tiger merekodkan 28 spesies. Daripada hasil yang diperolehi, perbezaan kupu-kupu yang diperolehi adalah tidak ketara. Kelima-lima famili kupu-kupu iaitu Hesperiiidae, Lycaenidae, Nymphalidae, Papilionidae dan Pieridae dapat dijumpai di kedua-dua kawasan kajian. Kajian inventori ini dijalankan bagi mencapai dua objektif iaitu; a) Merekodkan spesies-spesies kupu-kupu yang terdapat di kawasan ladang Mostyn, Kunak dan Bukit Tiger, Tawau. b) Melihat pengaruh pembukaan hutan terhadap kepelbagaian kupu-kupu di kedua-dua kawasan kajian ini.

